

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN :

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 23 MAC 2015

SOALAN : PR-1331-L66588

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**
menyatakan bilangan orang yang ditangkap dan didakwa
atas kesalahan pembalakan haram, diperincikan
mengikut Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Definisi Pembalakan Haram adalah berbeza dengan Kesalahan Hutan. Mengikut definisi Pembalakan Haram yang digunakan oleh Kementerian iaitu "Pembalakan tanpa lesen yang sah dan secara terancang dengan penggunaan jentera berat". Bagi kesalahan hutan bermaksud lain-lain kesalahan hutan seperti tebangan beberapa batang pokok oleh orang kampung dalam mengusahakan tanah atau pencerobohan tanah, tebangan luar kawasan lesen, memiliki hasil hutan tanpa permit, memasuki dan menjalankan aktiviti dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal tanpa kebenaran dan sebagainya.

Bermula dari tahun 2011 sehingga 2014, secara keseluruhannya, di Semenanjung Malaysia terdapat empat (4) kes pembalakan haram yang didakwa di bawah Seksyen 15, Akta Perhutanan Negara 1984. Untuk tahun

2011 terdapat 3 kes di Negeri Johor dan terdapat 1 kes sedang dibicarakan di Negeri Perak. Jumlah orang yang telah ditangkap dan didakwa bagi kesalahan ini ialah seramai 9 orang.

Bagi Negeri Sabah, terdapat empat puluh enam (46) kes pembalakan haram yang didakwa di bawah kesalahan Seksyen 20, Enakmen Hutan Sabah 1968 bagi tempoh 2011 hingga 2014. Jumlah Orang Kena Tuduh (OKT) yang didakwa di mahkamah ialah seramai 136 orang.

Bagi Negeri Sarawak, terdapat 100 kes pembalakan haram yang didakwa di bawah Seksyen 50, Ordinan Hutan Sarawak 1958 bagi tempoh 2011 hingga 2014.

Sekian, terima kasih.